

untuk mengkaji Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam

tidak menyenangkan sedang parti siasah lain tidak mengapa?

1960 dengan alasan bahawa rumah *Jamiyyah* tidak boleh digunakan oleh badan-badan politik.

Kita berharap anggota-anggota *Jamiyyah* akan menyiasat

perkara ini. Ini sudah tentu bukan dasar *Jamiyyah* tetapi ini

adalah terbitnya daripada perasaan sentimen beberapa anggota

*Jamiyyah* yang bakal merosakkan dan menurunkan pandangan umat

Islam ke atas *Jamiyyah* sebagai sebuah pertubuhan yang

berdasarkan seruan keagamaan itu.


### **Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam Tahun 1960**

Tetapi pada 16 haribulan April 1961 di rumah *Jamiyyah* itu sebuah parti politik yang terkenal, Parti Rakyat, yang ahli-ahlinya bukannya sahaja terdiri daripada orang-orang Islam tetapi juga orang-orang lain bangsa telah menggunakan tempat rumah *Jamiyyah* kerana mesyuarat mereka dan di hadapan *Jamiyyah* terpampang simbol pertubuhan itu.

Rang Undang-undang yang tersebut ini telah pun banyak kita

Dengan adanya kejadian ini tentulah menghairankan. Apakah kerana PAS parti Islam dan sesama Islam dipandang

siarkan di dalam majalah ini meminta perhatian orang ramai,



*Pada tiap-tiap tahun, beribu-ribu umat Islam di Tanah Melayu belayar ke Tanah Suci Makkah al-mukarramah, untuk menunaikan fardu Haji. Gambar menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sedang mengucapkan selamat belayar kepada jemaah*

*haji tatkala kapal "Kuala Lumpur" singgah di Kuala Klang baharu-baharu ini.*

terutamanya, alim-ulamanya. Setelah mengkaji dengan saksama atas undang-undang ini, bagi mencari perpaduan dan sepakat umat Islam, maka PAS Singapura telah mengadakan perjumpaan am badan-badan Islam Singapura. Di dalam perjumpaan yang dihadiri seratus badan-badan Islam di Singapura maka dengan sebulat suara telah mengambil keputusan bahawa badan-badan itu menuntut kepada kerajaan Singapura supaya menarik balik Rang Undang-undang tersebut untuk dipulangkan kepada Majlis Islam Penasihat Kerajaan supaya menyemaknya semula dengan melantik suatu jawatankuasa kecil terdiri dari ulama-ulama di dalam Majlis itu dengan menjemput

pula beberapa ulama yang bukan ahli Majlis dan apabila semua anggota-anggota Majlis berpuas hati maka baharulah rang undang-undang itu dikemukakan semula kepada Majlis Undangan untuk meminta pendapat orang ramai.

Dipercayai keputusan yang diambil ini adalah satu keputusan yang bertolak ansur jika memandang bahawa tidaklah menjadi rahsia bahawa alim-ulama atau cerdik pandai agama di dalam Majlis itu telah pun tidak berpuas hati di dalam banyak bahagian di dalam Rang Undang-undang itu. Tidak mustahak dipersoalkan betapa dan bagaimana persoalannya diminta supaya disemak semula tetapi yang mustahak



*Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sedang disambut dengan meriahnya ketika beliau tiba dari London baharu-baharu ini.*

bahawa perasaan tidak puas hati telah timbul kerana mereka dapati banyak benar perkaranya yang mustahak diubah. Jadi supaya kerja-kerja ringkas maka mustahak Majlis Islam Penasihat Kerajaan mengkajinya semula.

Cara ini adalah banyak benar baiknya. Pertama zahir bahawa orang-orang yang bermesyuarat itu telah pun menyemak Rang Undang-undang itu di dalam masa yang lama tetapi walaupun begitu masih banyak yang belum habis menyemaknya. *Jamiyyah*, PERGAS, Muhammadiyah, dan lain-lain badan banyak yang telah bekerja keras untuk menyemaknya tetapi saat mesyuarat itu belum pun habis mereka menyemaknya. Ini menunjukkan bahawa banyak benar rumitnya dan banyak benar persoalannya yang terbit daripadanya. Sedang dalam masa itu pula ahli-ahli Majlis Penasihat Islam sendiri banyak pula menyertai perbahasan mereka untuk membantah Rang Undang-undang itu. Kerana itu keputusan mesyuarat badan-badan yang dianjurkan oleh PAS itu adalah baik benar dan bertimbang rasa: tidak menolak terus tetapi meminta ditarik balik untuk disemak.

Keputusan yang baik ini, telah dituduh oleh Peguam Agung Negara, Encik Ahmad Ibrahim (lihat Utusan Melayu 19 April 1961) mengatakan mesyuarat itu telah memutuskan menarik balik Rang Undang-undang itu dengan tidak ada syarat-syaratnya ertinya ia memandang mesyuarat itu bermaksud supaya tidak ada Rang Undang-undang untuk mentadbirkan hukum-hukum Islam di Singapura. Pada umumnya, apa yang dikemukakan oleh Peguam Agung itu samalah seperti perkataan yang diucapkan oleh Tuan Ya'acob Mohamed di dalam majlis perjumpaan itu, sebelum usul itu dikemukakan.

Kita tidak mengetahui apakah Peguam Agung Negara itu tidak faham akan kalimah-kalimah Melayu yang digunakan di dalam keputusan mesyuarat badan-badan itu, atau adakah disengaja untuk mengelirukan orang ramai di atas apa yang telah diputuskan mereka.

Sekiranya tidak faham, maka adalah sangat didukacitakan dan sekiranya disengajakan adalah lebih-lebih sangat mendukacitakan kerana tujuan yang baik daripada keputusan itu dikebelakangkan. Apa tidakkah keputusan itu bererti meletakkan semula kehormatan Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura? Tidakkah keputusan itu meminta dikaji semula – tidak menimbulkan sangkaan bahawa ada hal-hal Majlis Islam Penasihat Kerajaan telah dipaksa menyertai Rang Undang-undang itu sehingga mereka-mereka di luar daripada Majlis, menyertai mengadakan bantahan-bantahan dan menyampaikan rasa tidak berpuas hati.

Dengan cara ini, maka dapatlah kiranya Rang Undang-undang itu dibuat dengan bersih dan tidak terasa oleh umat Islam bahawa ada tujuan-tujuan lain selain daripada membawa faedah dan kebajikan kepada mereka.

Selain daripada itu, di dalam kenyataan kepada akhbar, Peguam Agung telah menafikan adanya undang-undang orang-orang yang berkahwin terpaksa memohon satu borang; yang hendak

Sudahkah tuan membaca :

### **Surat-menyurat**

Disusun oleh Edrus – mengandungi hal ehwal Pejabat Surat dengan contohnya iaitu selain daripada mengandungi hal ehwal yang mengenai surat-surat beradat, kepada ahli-ahli agama, kepada orang awam.

Inilah pertama-tama buku mengenai surat-menyurat di dalam Bahasa Melayu huruf Jawi yang lengkap kandungannya.

Senaskah \$1.80

Pos 20 sen.

Kalau memesan hendaklah disebut naskhah jawi.

beristeri muda mesti meminta izin kepada isterinya yang tua, yang hendak bercerai pula mestilah mendapat persetujuan dari kedua belah pihak.

Benar, kalau dicari di dalam undang-undang negeri harus tidak ada undang-undangnya tetapi apa yang terjadi dan yang telah dijalankan oleh Mahkamah Syariah tidaklah menjadi rahsia lagi kepada umat Islam.

Kita suka menarik perhatian umat Islam kepada apa yang dikatakan telah diucapkan oleh Menteri Kehakiman dan Buruh, Tuan K.M. Byrne, sedikit masa dahulu terhadap kepada pertanyaan tentang *Chief* Kadi yang telah mengkahwinkan Syed Ahmad Jamalullail yang ada mempunyai isteri di Singapura. Menteri itu menyatakan: bahawa *Chief* Kadi adalah menjalankan kewajibannya menurut undang-undang syarak tetapi *Chief* Kadi telah melanggar hukum negeri.

Kalau perkara kahwin lebih daripada satu sah menurut hukum syarak tetapi *Chief* Kadi bersalah kerana melanggar hukum negeri, maka bolehkah Peguam Agung menafikan bahawa ada satu undang-undang negeri yang telah dibuat mengatasi syarak?

Kita berharap, kerajaan PETIR sekarang, menepati janjinya di dalam manifestonya dahulu bahawa mereka tidak akan mencampuri atau mengganggu hal ehwal agama Islam. Kerana itu sekiranya ada perkara-perkara yang mengenai umat Islam hendak diperundang-undangkan maka mustahak benar diperhati janganlah kiranya umat Islam terus dipaksakan untuk mengikutnya. Sekiranya ada timbul perasaan-perasaan rasa dipaksa maka demikian tentulah akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dan menjadikan umat Islam memandang tidak baik kepada apa yang dibuat oleh kerajaan adanya.



### Yang di-Pertua “Ikhwan” Ke Tanah Suci

Tuan Syed Abdullah Hamid al-Edrus, tuan punya dan Ketua Pengarang Qalam, yang juga menjadi Yang di-Pertua “Ikhwan” telah berangkat ke Tanah Suci Makkah al-Mukarramah, suami isteri, untuk menunaikan fardu haji, dengan kapal “Kuala Lumpur” pada 26 April yang lalu.

Beliau akan melawat Timur Tengah untuk menghubungkan silaturrahim dengan kaum Muslimin di sana dan untuk meluaskan pemandangan.

Kami dari pekerja-pekerja Qalam dan anggota-anggota Ikhwan mengucapkan selamat berlayar, mudah-mudahan beliau suami isteri akan mendapat Haji Mabruur dan selamat kembali ke tanah air dengan sihat walafiat – Amin.